

PENYELIDIKAN BERKUALITI MAMPU DIHASILKAN MELALUI PEMBACAAN - REKTOR KUIS

Bernama News | Berita Dalam Negeri | 01/11/2017 | Author: FADZILLAH AISHAH ISMAIL | KUIS-SAPLI

SHAH ALAM, 1 Nov (Bernama) – Pelajar pascasiswazah perlu memantapkan diri dengan amalan dan budaya membaca untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti, kata Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri.

Beliau berkata penyelidikan adalah bahagian utama dalam proses menuntut ilmu, namun masyarakat sekarang didapati masih ketinggalan dari segi kualiti penyelidikan disebabkan tahap rendah budaya membaca.

“Penguasaan ilmu dapat mengangkat darjat seseorang atau sesebuah bangsa kepada darjat lebih tinggi. Pembacaan yang luas dan mendalam akan menghasilkan penyelidikan berkualiti,” katanya ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Pengajian Lulusan Ijazah 2017 (SAPLI 2017) anjuran bersama KUIS dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) KUIS Dr Mohamad Syukri Abdul Rahman; Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan) KUIS Dr Zulkifli Abd Hamid; Pengarah Pusat Pengajian Siswazah KUIS Dr Normazaini Saleh; Pengarah SAPLI 2017 Dr Norfazila Ab Hamid dan Pengarah Bersama SAPLI 2017 Dr Sri Rahayu @ Nurjanah Dollah dari UNISSA.

Bercakap kepada Bernama selepas perasmian itu, Ab Halim berkata menjadi amalan di seluruh dunia bahawa sebarang keputusan perlu merujuk kepada penyelidikan dan bukan kepada teori atau andaian semata-mata.

“Pada saya bila kita buat kajian atau penyelidikan maka peratusan untuk berlaku kesilapan (membuat keputusan) sangat rendah berbanding hanya andaian. Sebab itu saya tekankan kepada penyelidikan...di negara maju seperti di Eropah dan ketika zaman tamadun Islam, sangat menekankan penyelidikan dalam membuat keputusan,” katanya.

Beliau berkata KUIS setiap tahun memperuntukkan kira-kira RM1.5 juta untuk pensyarah membiasakan diri menjalankan penyelidikan.

“Ini sebagai cara dan jalan untuk kita selesaikan sesuatu isu dalam masyarakat,” katanya.

SAPLI adalah seminar bersiri yang dianjurkan secara berselang-seli oleh KUIS dan UNISSA bertujuan untuk memperhebat budaya penyelidikan berkualiti, khususnya berkaitan pengajian Islam dan penyelidikan multidisiplin ilmu lain yang diselitkan dengan pengajian Islam.

Seminar dua hari itu bermula hari ini, bertemakan ‘Penyelidikan Berkualiti Menjana

Pembangunan Ummah'.

SAPLI 2017 juga adalah platform untuk pelajar pascasiswazah lebih berani tampil dan mengutarakan hasil penyelidikan mereka di hadapan khalayak ramai dengan menggunakan teknik serta pendekatan lebih efisien.

Selain itu, SAPLI 2017 juga bertujuan mengumpul bahan-bahan penyelidikan ilmiah bagi membantu menjana pembangunan ummah serta mengeratkan kerjasama serantau antara institusi pengajian tinggi di Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand dan negara lain.

-- BERNAMA

FAI RAR ERE